

## IKATAN LOGAM

- N Orbital atom bertindih hasilkan N bilangan orbital molekul.
- Jika N tiga, maka orbital molekul yang terhasil ialah:
  - 1 OM ikatan
  - 1 OM antiikatan
  - 1 OM bukan ikatan
- Jika N semakin besar maka perbezaan tenaga di antara OM semakin kecil.  $N \rightarrow \infty$ , jalur terbentuk.
- Di dalam pepejal model mudah ini perlu diubah suai kepada bentuk umum.
  1. Unsur ada lebih satu jenis orbital valens, oleh itu lebih daripada satu jenis jalur iaitu jalur *s*, jalur *p* dll, setiap jalur dengan kelebaran dan tenaga tersendiri. Terdapat kemungkinan jalur *s* dan *p* bertindih.
  2. Gambaran satu dimensi dikembangkan kepada tiga dimensi. Secara umum apa yang berlaku di dalam struktur 1 dimensi, juga berlaku di dalam struktur 3 dimensi.

### Aras Fermi

- Elektron akan memasuki jalur dengan mengisi aras tenaga yang rendah dahulu.
- Pada 0 K, jalur *s* bagi atom H hanya separuh diisi kerana atom H hanya ada 1 e valens, HOMO ialah **aras Fermi**.
- Pada suhu  $> 0$  K, aras tenaga berhamipran aras Fermi akan juga diisi kerana elektron akan mempunyai tenaga untuk diiuja kepada aras tenaga lebih tinggi.

### Luang Jalur


- Keupayaan sesuatu jalur untuk menyimpan elektron tidak sekata.
- Rajah ketumpatan keadaan memberi taburan elektron.
- Apabila jalur tidak bertindih terdapat jurang tenaga dengan ketumpatan e bersamaan 0.
- Tenaga di antara aras tenaga tertinggi satu jalur dan tenaga terendah jalur yang lain ialah luang jalur.
- Selalunya ketumpatan keadaan sesuatu sebatian sangat rumit.

### Konduksi Logam

- Ciri logam ialah konduksi logam menurun apabila suhu dinaikkan.
- Keupayaan elektron bergerak melalui pepejal bergantung pada kesetaraan struktur jalur.
- Pada 0K, getaran atom minimum.
- Suhu naik, atom lebih banyak bergetar dan ini menghancurkan kesetaraan struktur jalur.
- Dengan itu, lebih sukar untuk elektron bergerak dan konduksi menurun dengan suhu.

### Penebat

- Di dalam penebat terdapat luang jalur yang besar di antara jalur yang dipenuhi elektron dan jalur yang kosong.
- Perbezaan keupayaan yang diberikan tidak akan menyebabkan elektron bergerak kerana jalur sudah penuh dengan elektron.
- Pada suhu bilik tenaga termal tidak mencukupi untuk menguja elektron untuk memasuki jalur yang kosong kerana luang jalur besar, tenaga yang besar.



### Semikonduktor

- Bahan yang mempunyai konduksi kecil berbanding logam, bertambah dengan kenaikan suhu.
- Dua jenis iaitu :
  - Intrinsik
  - Ekstrinsik.
- Pensemikonduksi jenis intrinsik ialah bahan tulen yang mempunyai luang jalur yang tidak begitu besar.

- Oleh itu pada suhu bilik terdapat sebilangan kecil elektron yang teruja dengan tenaga termal menduduki jalur kosong.
- Dengan kenaikan suhu maka lebih banyak elektron dapat teruja memasuki jalur kosong.
- Kekonduksian bergantung pada suhu,
- Di dalam pensemikonduksi intrinsik, terdapat pembawa cas negatif di dalam jalur kosong dan lubang positif di dalam jalur bawah, menyebabkan pepejal ini bertindak sebagai konduktor.

$$\sigma = A e^{-E_a/kT}$$

- Pensemikonduksi ekstrinsik lebih penting berbanding jenis intrinsik.
- Tidak banyak bahan yang mempunyai luang jalur yang sesuai untuk berfungsi sebagai pensemikonduksi.
- Pensemikonduksi ekstrinsik, bahan yang boleh mengkonduksi apabila dimasukkan bahan lain. Sebagai contoh silikon dan germanium yang didop dengan galium atau arsenik.
- Apabila atom As (5 e valens) didop ke dalam kekisi Si (satu atom As bagi setiap  $10^8$  Si), As bentuk empat ikatan kovalen dengan Si.
- Oleh itu ada satu elektron lebih, terpaksa memasuki orbital molekul lebih tinggi kerana jalur telah penuh.
- Satu jalur baru, tenaga lebih tinggi dan lebih hampir kepada jalur kosong dibentuk untuk elektron lebih.
- Elektron ini mudah teruja secara termal kepada jalur kosong dan boleh bergerak melalui hablur Si apabila terdapat perbezaan keupayaan.
- Si terdop dengan As, konduksian disebabkan oleh pergerakan cas negatif berlebihan, pensemikonduksi jenis  $-n$ .
- Jika Si didop dengan atom galium, Ga (3 e valens), satu jalur tenaga orbital molekul yang baru terbentuk berhampiran jalur penuh, jalur penerima.
- Pada 0K, jalur penerima ini kosong tetapi pada suhu melebihi 0K elektron pada jalur penuh akan teruja memasuki jalur penerima ini.
- Jalur penuh akan mempunyai lubang positif di dalam kekisi Si, i.e. bergerak kerana terdapat lubang positif.
- Sifat konduksi disebabkan oleh pergerakan lubang positif, pensemikonduksi jenis  $p$ .

### **Superkonduktor**

- Superkonduktor ialah bahan yang boleh mengkonduksi elektrik tanpa rintangan.
- Sebelum 1987, superkonduktor perlu disejukkan kepada suhu 20 K sebelum menunjukkan sifat superkonduktor.
- Konsep superkonduktor suhu rendah, kehadiran “pasangan Cooper”.
- Pentaksimpatan getaran bagi atom menyebabkan kehadiran pasangan elektron.
- Apabila satu elektron berada pada satu kawasan tertentu, nukleus bergerak kepada elektron ini menghasilkan struktur terherot.
- Kawasan terherot kaya dengan cas positif, elektron kedua berpasangan elektron pertama.
- Kedua-dua elektron bergerak bersama di dalam kekisi bahan.
- Bagaimanapun, pengherotan setempat mudah diganggu oleh pergerakan termal ion.

- Dengan itu, kesan superkonduktor hanya berlaku pada suhu rendah.
- Suhu apabila kerentanan elektrik = 0 digelar suhu kritikal,  $T_c$ .
- Bahan superkonduktor hanya menunjukkan sifat superkonduktor pada suhu rendah, mahal untuk dikekalkan pada suhu rendah.
- Suhu rendah yang diperlukan  $< 30$  K, cecair helium atau cecair hidrogen, mahal.
- Penyelidikan dilakukan untuk mensintesis sebatian yang boleh menunjukkan sifat superkonduktor pada suhu lebih tinggi,  $> 77$  K iaitu suhu cecair nitrogen yang jauh lebih murah berbanding, He(c) atau H<sub>2</sub>(c).
- 1987, Bednorz & Muller, sintesis BaLa<sub>x</sub>Cu<sub>y</sub>O, keadaan pengoksidaan Cu di antara +2 dan +3;  $T_c = 35$  K.
- Paul Chu, apabila tekanan diberikan kepada BaLa<sub>x</sub>Cu<sub>y</sub>O,  $T_c = 57$  K, iaitu sifat superkonduktor diperoleh pada suhu lebih tinggi.
- Paul Chu, tukarkan La dengan ion trivalen lebih kecil untuk simulasi kesan tekanan tinggi; sintesis Ba<sub>0.8</sub>Y<sub>1.2</sub>CuO<sub>x</sub>;  $T_c \geq 90$  K.
- Sebatian Tl<sub>2</sub>Ba<sub>2</sub>Ca<sub>2</sub>Cu<sub>3</sub>O<sub>10</sub>,  $T_c$  setinggi 122 K.
- Kajian sedang dilakukan untuk melihat bagaimana sebatian superkonduktor boleh bertindak sebagai bahan superkonduktor.
- Banyak kajian ke atas bahan 1-2-3 YBa<sub>2</sub>Cu<sub>3</sub>O<sub>7</sub>,  $T_c = 95$  K.
- Cu menunjukkan keadaan pengoksidaan +2 dan +3 dan berada di dalam 2 persekitaran yang berbeza.
- Perbezaan di dalam K.P. menyebabkan sifat superkonduktor, fahaman secara terperinci belum diperolehi.
- Kajian lanjut masih dijalankan.